

31/08/1997

Janggut Cook dan wartawan

ALKISAHNYA, teman selalu perhatikan apabila wartawan mewawancara, mereka akan berebut-rebut menghampiri orang yang diwawancara dan menyuakan perakam suara. Kadangkala terlalu hampir, sampai nak mencecah muka orang yang diwawancara.

Dr Mahathir, Anwar Ibrahim sering jadi sasaran seperti itu. Tetapi kerana mereka tokoh dan pemimpin berhemah, jarang sekali mereka menegur wartawan. Barangkali kerana tak ditegur itulah wartawan pun anggap ia sesuatu yang boleh dilakukan.

Tetapi perbuatan menghulurkan perakam suara betul-betul ke muka orang yang mereka temui akhirnya ditegur juga. Bukan oleh pemimpin kita tetapi orang luar. Orang itu ialah Setiausaha Luar Britain Robin Cook.

Apabila dikerumuni wartawan di lobi Wisma Putra selepas pertemuannya dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena lawatannya ke Malaysia, Cook dengan sinis berkata: "Minta maaf, tolong jangan datang terlalu dekat seolah-olah anda mahu menyapu janggut saya. Ini tidak akan kelihatan menarik dalam kamera."

Wakil-wakil media Britain ketawa.

Barangkali pemberita tempatan akan mengambil iktibar daripada peristiwa itu dan lebih berhati-hati ketika bertugas.

(END)